

16 DEC 1996

MALAYSIA PUAS HATI DENGAN PENCAPAIAN WTO, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Malaysia berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi dari segi perlindungan pasaran di mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang baru selesai di Singapura, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Galakan Tabungan Peringkat Kebangsaan, beliau menyatakan: "Kita telah memperolehi yang terbaik. Saya fikir kita boleh bergembira dengannya."

Dalam mempertahankan dasarnya, Malaysia tidak hanya mempertahankan kepentingannya sahaja tetapi juga negara-negara kurang maju, kata beliau.

Beliau menyatakan dalam industri telekomunikasi pasaran Malaysia telah dibuka sebanyak 60 peratus, tetapi negara-negara yang lemah lebih memerlukan perlindungan.

"Kita mempertahankannya adalah berasaskan prinsip," kata beliau.

Ditanya berkaitan sama ada Kabinet telah memutuskan untuk mengharamkan sepenuhnya dagangan dengan Israel, Dr Mahathir menyatakan tiada keputusan telah dibuat dan dagangan masih lagi dilakukan mengikut kes demi kes.

Berkaitan dengan kadar simpanan Malaysia, beliau menyatakan walaupun ramalan 38.8 peratus telah dianggap hebat, "kita mahu yang lebih hebat daripada itu."

Beliau berharap kadar simpanan akan menyamai keperluan pelaburan di negara ini, iaitu 45.1 peratus pada masa ini.

Beliau berasa yakin kempen menyimpan itu akan berjaya. Beliau berkata: "Sudah tentu saya yakin. Ramai orang yang mempunyai wang tidak menyimpan atau mengambil tahu bagaimana wang mereka disimpan."

Gabenor Bank Negara Malaysia Datuk Ahmad Mohd Don, yang memberikan ulasan berkaitan pulangan simpanan berkata: "Jika anda bermaksud dengan pulangan wang di pasaran, ia bergantung kepada pasaran tetapi itu hanyalah satu alternatif sahaja." -- BERNAMA

AD RIF/sia